



LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi ERECTION ALL RISKS (SEMUA RISIKO PEMBINAAN)

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Erection All Risks (Semua Risiko Pembinaan). Pastikan anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah perincian produk ini?

Polisi Erection All Risk (Semua Risiko Pembinaan) menyediakan perlindungan untuk kerugian akibat kerosakan material semasa tempoh pembinaan serta perlindungan terhadap kerosakan hartanah dan kecederaan tubuh badan Pihak Ketiga sewaktu kontrak kerja dilaksanakan di tapak kontrak yang dinamakan di dalam polisi.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

- ❖ Bahagian I – Kerosakan Material: sebarang kerugian atau kerosakan fizikal tidak dijangka atau mengejut diakibatkan oleh punca lain, selain daripada yang dinyatakan sebagai pengecualian khusus kepada kerja kontrak diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga berjumlah tidak melebihi jumlah nilai diinsurans yang dinyatakan di dalam Jadual.
- ❖ Bahagian II – Liabiliti Pihak Ketiga: kerosakan yang perlu dibayar menurut undang-undang oleh Diinsurans yang menyebabkan kecederaan tubuh badan atau kerosakan hartanah kepada pihak ketiga akibat kemalangan yang berlaku secara langsung berkaitan dengan kerja kontrak yang dinyatakan di dalam Bahagian I polisi.

Tempoh perlindungan adalah berdasarkan tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Surat Perlantikan dan boleh dilanjutkan sewajarnya selepas mendapat kebenaran atau permintaan dari Prinsipal

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan syarikat insurans pilihan anda. Polisi ini tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM250.00.

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

<u>Apakah yang perlu anda bayar selain premium</u>	<u>Jumlah</u>
Cukai perkhidmatan (jika ada)	5% daripada premium
Duti setem	RM10.00

<u>Perkara yang termasuk di dalam premium</u>	<u>Jumlah</u>
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

- ❖ Kepentingan perakuan – Anda perlu memaklumkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda mungkin menjadi tidak sah
- ❖ Dasar nilai diinsurans polisi adalah bersamaan nilai kontrak yang diberikan oleh Prinsipal sebagaimana dinyatakan di dalam Surat Perlantikan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- ❖ Peperangan, Perang Saudara dan sebarang tindakan Keganasan.
- ❖ Reaksi nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif.
- ❖ Tindakan sengaja atau kecuaiian sengaja Diinsurans atau wakilnya
- ❖ Pemberhentian kerja separa atau sepenuhnya
- ❖ Sebarang bentuk kerugian turutan.
- ❖ Kerugian atau kerosakan akibat kesilapan rekaan; kecacatan material atau acuan, hasilkerja yang rosak selain daripada di dalam pembinaan.
- ❖ Penggunaan dan kelusuhan, kakisan, pengoksidaan, pengerakan.
- ❖ Kerugian atau kerosakan yang hanya diketahui sewaktu inventori.

Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Tertakluk kepada terma dan syarat Syarikat mengenai pembatalan. Sila rujuk kepada Syarikat untuk maklumat lanjut.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmG Insurance Berhad

Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

10. Lain-lain jenis perlindungan yang disediakan

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.